



**KENYATAAN MEDIA**  
**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**13 Ramadhan 1441 / 07 Mei 2020**

I. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis, 13 Ramadhan 1441H bersamaan 07 Mei 2020M, **dua kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini seramai 141 orang.**

- **Kes 140** ialah seorang lelaki berumur 46 tahun manakala **Kes 141** ialah seorang lelaki berumur 31 tahun. Kedua-dua kes ini adalah merupakan kawan kepada Kes 139 yang dilaporkan semalam yang mana kedua-dua kes baru ini juga telah dikesan melalui surveilan yang dilakukan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk pekerja asing. Siasatan awal menunjukkan ketiga-tiga kes ini iaitu Kes 139, 140 dan 141 besar kemungkinan dijangkiti virus SARS-CoV-2 pada bulan Mac 2020 dan mereka telah tinggal ditempat yang sama. Pada masa ini, ketiga-tiga mereka tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan. Penyiasatan lanjut sedang giat dilakukan untuk mengenalpasti punca jangkitan

dan mengesan kontak-kontak bagi kes-kes berkenaan. Setakat ini seramai 59 kontak kes telah dibuat ujian COVID-19 yang mana 20 daripadanya adalah disahkan negatif dan yang lainnya masih lagi menunggu keputusan ujian.

2. Sementara itu, **tidak ada kes** disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 131 orang**. Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **9 kes**. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Walau bagaimanapun, hanya seorang sahaja yang masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan, manakala seorang lagi kini hanya memerlukan bantuan mesin pernafasan sahaja. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.
3. Pada ketika ini, seramai **157 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,551 orang**.
4. Sementara itu, sejak arahan pengasingan diri mandatori selama 14 hari dikeluarkan pada 20 Mac 2020 bagi mereka yang baru tiba ke negara

ini, seramai **1,892 orang** telah menamatkan tempoh pengasingan diri tersebut. Pada masa ini, seramai **273 orang** sedang menjalani pengasingan diri mandatori di fasiliti-fasiliti pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan.

5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 184 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 14,938 ujian.
6. Sehubungan dengan pengesahan kes-kes baru pada hari ini, Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk tidak merasa cemas atau panik. Kementerian Kesihatan juga ingin menekankan lagi kepentingan bagi orang ramai untuk terus berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengamalkan dan membudayakan langkah-langkah pencegahan seperti yang disarankan terutama sekali untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan tidak beramai-ramai mengunjungi ke satu tempat serta hanya keluar rumah jika perlu. Ini disamping mengamalkan kebersihan diri seperti kerap mencuci tangan dan etika batuk dan bersin yang betul.
7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **[www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)**

atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Dan marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberikan kesembuhan kepada semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan semoga kita semua mendapat keberkatan serta segala amalan kita di terima dibulan yang mulia ini. Aamiin  
Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 13 Ramadhan 1441H / 07 Mei 2020